

LAMPIRAN 1
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 82
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Putrajaya

MTDC unjur lulus dana RM100 juta

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menyasar untuk meluluskan dana berjumlah RM100 juta tahun ini bagi meningkatkan aktiviti pengkomersialan teknologi tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, ia termasuk bantuan dari segi kewangan dan pelaburan bagi membolehkan syarikat tempatan berkembang serta membantu mereka menembusi revolusi industri 4.0 (Industri 4.0).

Beliau berkata, setakat ini, sebanyak RM7.8 juta dana sudah diluluskan menjadikan jumlah dana yang diluluskan sejak 2016 sebanyak RM366 juta.

Katanya, MTDC mempunyai enam dana iaitu Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF), Dana Perolehan Teknologi (TAF), Dana Pemula Niaga (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF), Dana Pengembangan Perniagaan (BEF) dan Dana Pembangunan Teknologi Halal.

"Kita perlu menghadapi Industri 4.0 dengan pantas dan lantaran itu, MTDC sentiasa menggalakkan syarikat tempatan sentiasa bersedia dan



NORHALIM

meningkatkan keupayaan mereka.

"MTDC sudah memberi dana kepada 10 syarikat bagi meningkatkan keupayaan mereka menghadapi Industri 4.0 dan menjangkakan bagi fasa kedua, sebanyak 10 syarikat lagi bakal menerima dana itu.

"Jumlah dana yang diberikan kepada setiap syarikat antara RM3 juta hingga RM5 juta bergantung kepada keupayaan dan keperluan mereka," katanya selepas merasmikan MTDC Reunites 2018 di sini, semalam.

Norhalim berkata, dengan kemunculan Industri 4.0 di Malaysia, syarikat kecil dan sederhana perlu mengadaptasi dan menyesuaikan diri bagi kekal relevan dalam pasaran.

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Norhalim beramah mesra dengan peserta pada majlis MTDC Reunites 2018 di Putrajaya, semalam.

MTDC sasar lulus dana RM100 juta

➔ Bantu syarikat tempatan komersial teknologi, tembusi Industri 4.0

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menyasarkan untuk meluluskan dana berjumlah RM100 juta tahun ini bagi meningkatkan aktiviti pengkomersialan teknologi tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yusoff, berkata ia termasuk bantuan dari segi kewangan dan pelaburan bagi membolehkan syarikat tempatan berkembang serta membantu mereka menembusi revolusi industri 4.0 (Industri 4.0).

Beliau berkata, tahun ini, sebanyak RM7.8 juta dana diluluskan menjadikan jumlah dana yang diluluskan sejak 2016 adalah sebanyak RM366 juta.

Katanya, MTDC mempunyai enam dana, iaitu Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF); Dana Perolehan Teknologi (TAF); Dana Pemula Niasa (BSF); Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF); Dana Pengembangan Perniagaan (BEF) dan Dana Pembangunan Teknologi Halal.

"Kita perlu menghadapi Industri 4.0 dengan pantas dan lantaran itu MTDC sentiasa menggalakkan syarikat tempatan sentiasa ber-

siada dan meningkatkan keupayaan mereka.

"MTDC sudah memberi dana kepada 10 syarikat bagi meningkatkan keupayaan mereka menghadapi Industri 4.0 dan menjangkakan bagi fasa kedua, sebanyak 10 syarikat lagi bakal menerima dana itu.

Ikut keperluan syarikat

"Jumlah dana yang diberikan kepada setiap syarikat bergantung kepada keupayaan dan keperluan mereka di antara RM3 juta hingga RM5 juta," katanya selepas merasmikan MTDC Reunites 2018 di Putrajaya, semalam.

Norhalim berkata, dengan kemunculan Industri 4.0 di Malaysia, syarikat kecil dan sederhana perlu mengadaptasi dan menyesuaikan diri bagi kekal relevan dalam pasaran.

Beliau berkata, adaptasi menyeluruh penggunaan automasi dan kemajuan teknologi dapat menghapuskan pembaziran, memberikan kos yang lebih rendah, meningkatkan asas pelanggan serta meningkatkan di atas persaingan.

"MTDC sentiasa menekankan syarikat yang ingin beralih kepada Industri 4.0 tidak perlu menukar keseluruhan kapasiti mereka tetapi hanya perlu menjalan-

kan peningkatan menaik taraf.

"Kita perlu gerakkan sebanyak mungkin syarikat dalam penggunaan automasi. Ada beberapa sektor sudah berada pada tahap industri 3.0 dan tiada masalah untuk bergerak ke Industri 4.0.

"Tetapi masih banyak lagi syarikat yang perlu adaptasi dan meningkatkan keupayaan mereka seperti sektor pembuatan perabot, makanan, pertanian dan akuakultur," katanya.

Mengenai MTDC Reunites 2018 pula, Norhalim, berkata acara tahunan MTDC itu adalah untuk memupuk dan menyediakan platform bagi hubungan kerja yang produktif dan rangkaian strategik di kalangan semua syarikat dalam ekosistem MTDC.

Norhalim berkata, Reunites 2018 disertai lebih 100 syarikat dan memberikan fokus kepada tiga agenda utama iaitu Industri 4.0, peningkatan keupayaan dan robotik.

"Kami menggalakkan usahawan tekno (technopreneurs) sentiasa menyertai program kami kerana ia memberikan peluang meningkatkan rangkaian dan berkongsi strategi serta kejayaan dalam menjadikan usahawan tekno lebih berdaya saing," katanya.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V62
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Inovasi SEM memudahkan pelajar bidang elektrik

info

SEM

- Produk dihasilkan tahun lalu
- Kos inovasi adalah RM300

Kelebihan Produk:

- Membantu proses PdP
- Meningkatkan tahap pemahaman pelajar terhadap sambungan jenis litar elektrik (Siri, Selari dan Siri-Selari)
- Mengurangkan kos penyelenggaraan.
- Aksesori elektrik seperti pilot lamp, on-off switch dan resistor dapat digunakan dalam jangka masa lama.
- Memudahkan proses pengujian litar.
- Dihasilkan dalam beg yang menarik.
- Mudah alih dan senang dibawa ke mana sahaja.
- Selamat digunakan.

Pencapaian

- Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Bentong 2017 (KICC 2017) - Pingat Emas
- Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan 2017 (PERISA 2017) - Pingat Emas

➔ Produk membantu mengelak kesilapan kesan punca

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Produk Smart Electrical Measurement (SEM) adalah inovasi yang dihasilkan bagi memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) bagi kursus elektrik yang membabitkan penggunaan sambungan litar siri, selari dan siri-selari.

Penyelidik produk berkenaan, Siti Juliana Hamim, berkata inovasi itu sesuai dijadikan bahan latihan untuk membantu pelajar yang mengambil jurusan Pemasangan Elektrik dalam memahami kaedah pemasangan litar dengan betul berbandukan rajah dan litar skematik yang disediakan.

Beliau yang juga Pensyarah Kolej Komuniti Bentong

(KKB) berkata, inovasi ini dilengkapi dengan suis buka dan tutup, lampu penunjuk, beberapa pilihan nilai rintangan, voltmeter dan ammeter.

"Peralatan ini dapat mengurangkan kerosakan pada aksesori pendawaian kerana ia hanya menggunakan wayar penyambung (banana wire) untuk proses penyambungan tanpa membuka skru yang terdapat pada setiap peralatan.

"Peralatan ini juga boleh digunakan sebagai alat penyelenggaraan atau baik pulih (troubleshoot) oleh tenaga pengajar bagi menguji kefahaman pelajar mencari kerosakan dalam litar," katanya.


Produk berbentuk kotak dan mudah untuk dibawa itu mempunyai tamatan bekalan masuk elektrik sebanyak 240 Volt (V).

Elak kesilapan

Siti Juliana berkata, cara penggunaan inovasi itu adalah pelajar akan membuat sambungan menggunakan 'banana wire' mengikut gambar rajah litar yang ditetapkan.

"Jika sebelum ini pelajar membuat sambungan sendiri dengan menggunakan playar, namun inovasi SEM amat memudah-

Penyelidik utama yang juga pensyarah Kolej Komuniti Bentong, Siti Juliana (tengah) bersama produk inovasinya Smart Electrical Measurement.



Produk Smart Electrical Measurement memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran.

kan dan menjimatkan masa, selain boleh digunakan dalam peperiksaan untuk pelajar yang mengambil jurusan pengurusan elektrik," katanya.

Penyelidikan inovasi itu turut dibantu dua lagi pensyarah KKB iaitu, Siti Hajar Abd Rajab dan Rasyida A'laaf.

Produk itu mampu membantu mengelakkan berlakunya kesilapan dalam penyambungan kabel semasa proses pendawaian dan meningkatkan tahap pemahaman pelajar terhadap konsep sambungan wayar pada aksesori elektrik mengikut apa jua jenis litar

elektrik.

Selain itu, SEM dapat membantu mengurangkan kerosakan pada aksesori elektrik ketika pemasangan dilakukan.

Bagaimanapun, pihaknya masih dalam perancangan untuk memasarkan produk yang dihasilkan.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V62
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Penyelidik UUM raih tiga emas, dua perak ITEX 2018

Kuala Lumpur: Universiti Utara Malaysia (UUM) meneruskan kecemerlangan apabila lima pasukan penyelidikannya berjaya meraih tiga pingat emas dan dua perak pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-29 (ITEX 2018) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

UUM tampil dengan lima hasil inovasi iaitu Kit-Tayammum (Anugerah Khas dan emas); Lead To Lead Recommender (emas); Property Insights-Analytics & Visualisation for Property Intelligence (emas); KIT-Hip, UUM Sintok: Kad Imbas Tersusun-Hidroponik, UUM Sintok (perak) dan PM-TAG: Persuasive Multimedia

Truancy Awareness Game (perak).

Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) UUM, Prof Madya Dr Razamin Ramli, berkata UUM bangga atas usaha yang dijalankan oleh penyelidik yang sentiasa fokus dengan inovasi yang dihasilkan hingga berjaya meraih kejayaan.

"Pihak ICC akan melaksanakan tindakan susulan yang proaktif bagi memastikan semua produk penyelidikan ini dapat dikomersialkan," katanya.

Ciptaan terkini

ITEX 2018 adalah pertandingan bertaraf antarabangsa anjuran Persatuan Rekaan dan Inovasi Malaysia (MINDS).

ITEX 2018 mengumpulkan pencipta tempatan dan antarabangsa serta saintis dari bidang sains dan teknologi.

Dr Razamin berkata, program berkenaan adalah satu perhimpunan yang membawa bersama ciptaan terkini dan inovasi universiti, institusi penyelidikan, pencipta individu, start-up/spin-off dan syarikat dari negara ASEAN, Asia dan Eropah.

"Selain itu, ITEX juga tersenarai sebagai pameran penyelidikan yang diterima oleh instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA).

"Pelbagai kejayaan yang diraih pada kali ini dapat membantu meningkatkan pencapaian MyRA UUM 2018," katanya.



Dr Razamin (dua dari kanan) bersama produk Kit-Tayammum pada ITEX 2018.

LAMPIRAN 5
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Penyelidikan dan pembangunan makanan

SELAIN menyediakan khidmat nasihat, bimbingan dan latihan, agensi tersebut turut menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam meningkatkan kualiti makanan untuk dikomersialkan.

Saintis Pusat Penyelidikan Sains Makanan MARDI, **Nor Salasiah Mohamed** berkata, pihaknya menjalankan penyelidikan yang lengkap terhadap produk makanan berkaitan ikan untuk membantu usahawan menambah variasi produk mereka.

Menurutnya, kajian yang dijalankan termasuklah berkaitan mikrobiologi, nilai pemakanan dan jangka hayat bagi memastikan ia boleh bertahan selama setahun.

"Kita di sini akan menjalankan penyelidikan makanan sekiranya ada permintaan daripada usahawan untuk menambah baik produk hasil mereka untuk dikomersialkan ke pasaran yang



NOR SALASIAH MOHAMED (kanan) memantau proses menghasilkan keropok lekor sambil diperhatikan oleh **Zaleha Mohamed** kilang usahawan tersebut di **Chendering, Terengganu** baru-baru ini.

lebih besar.

"Selain itu, setelah R&D dijalankan, kita juga akan memberikan cadangan pembungkusan kepada usahawan untuk memelihara jangka hayat produk untuk

tempoh masa yang lebih panjang," ujarnya.

Terbaharu pihaknya berjaya menghasilkan teknologi pemprosesan keropok segera ayam dengan mencipta formula keropok yang menggunakan

isi ayam dan berkemungkinan ia adalah produk pertama di negara ini yang menggunakan isi ayam.

Katanya, lambakan produk makanan berasaskan ayam yang berada di pasaran ketika ini kebanyakannya hanya menggunakan perisa dan bukan daripada isi ayam yang sebenar.

"Ia juga adalah permintaan daripada usahawan iaitu **Sinku Food Industries Sdn. Bhd.** yang meminta kita menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan varieti baharu memandangkan keropok ikan mempunyai masalah pengembangan.

"Jadi, kita menggantikannya dengan penggunaan isi ayam dan mendapati masalah itu telah dapat diatasi dengan nilai pengembangan keropok sehingga 73 peratus kerana ayam mengandungi protein yang tinggi iaitu sekitar 16 peratus," jelasnya.



Penyelidikan tersebut telah dijalankan selama setahun dengan peruntukan RM49,000 daripada Mara.

Menurutnya, kebanyakan penyelidikan yang dijalankan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan dalam menghasilkan produk-produk yang berkualiti tinggi.

Dream chance to start tech business

State government's pilot programme will provide RM250,000 as seed fund for Malaysian startups

PENANG

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

THOSE with a cool tech idea may look to Penang for RM250,000 funding as long as there is proof of early traction.

The Penang i4.0 Seed Fund, a pilot programme initiated by the state government through invest-Penang and @CAT Penang, offers funding to startups incorporated in Malaysia that have a working minimum viable product with positive early traction, company ownership of 51% by Malaysians, have been operating for less than five years and an accumulated revenue not exceeding RM1mil.

@CAT Penang programme director Howie Chang said shortlisted applicants who meet the criteria would be invited to pitch their ideas to an evaluation committee comprising people from various tech-based industries.

The committee will score the candidates based on the technical merits and business model of each proposal.

Those chosen will then go through a session of due diligence where we will check their documentation to ensure the legitimacy of their business.

Those who are selected can receive funding from RM50,000 to RM250,000, with the RM50,000



Chang (right) and @CAT Penang business development executive Zoey Teh promoting the pilot programme at @CAT in Wisma Yeap Chor Ee, Penang.

given as a grant while anything above RM100,000 will be given with 4% of the company's shares taken as a form of warrant by the state government via Penang

Development Corporation," he said when met at @CAT in Wisma Yeap Chor Ee.

Chang said the state government provided RM4mil to fund the

pilot programme which was divided into three batches this year.

The first batch of 50 candidates pitched their products on June 9 and those chosen will be

Those who are selected can receive funding from RM50,000 to RM250,000.

Howie Chang

announced soon.

"It was a mixed bag of products that were pitched, with the most being online marketplace and market network platforms," he said.

Chang added that the programme was open to people from all over Malaysia, as long as they were committed to operate their headquarters or branch in Penang for at least eight years and become a mentor for any future Penang entrepreneurship development programmes for startups.

Although this was a pilot programme for three batches this year, Chang said they would continue until the funds from the state government was used up and hoped the programme would be carried out yearly.

Applications for the second batch is open until July 25.

Visit <http://acatpenang.com/i4seedfund/> to apply and for further details.

ARIANESPACE SEES GROWTH

New generation Ariane 6 and Vega C launchers set to meet requirements

AYISY YUSOF

SINGAPORE

bt@mediaprima.com.my

ARIANESPACE, a satellite transportation company, expects a "dynamic" growth market for its operation in Asia Pacific, backed by sustained demand for connectivity and mobility.

Its chief executive officer Stephane Israel said the region's geographical was well suited to its new connectivity trend with a market share of 55 per cent.

He said Arianespace's order book included five commercial satellite launches for operators in South Korea, Indonesia, Japan and India.

Israel said the company's current order book stood at €4.7 billion (RM21.96 billion) globally, including 56 launches for 32 customers, comprising commercial (70 per cent) and institutional (30 per cent) clients.

Since the company's establishment in 1981, Arianespace had launched 82 commercial satellites for 17 customers from 10 countries in the Asia Pacific.

"Our market share is quite stable in the region. We have a lot of local and national operators in the Asia Pacific. We are honoured by the ongoing confidence shown since 1981 by 17 countries in the

region," he said at a media briefing, here, yesterday.

Israel said Arianespace was well-positioned to meet the future requirements of commercial and institutional operators in the region, fuelled by its new generation Ariane 6 and Vega C launchers.

Satellite launch is the company's key market in the region, mainly for broadcasting and connectivity (Internet broadband) as well as telecommunications in the future.

Arianespace conducted 11 satellite launches last year via Ariane 5, Soyuz and Vega rockets.


The company has also six launches slated for this year, of which three were in the first quarter.

"The broadcast entry has been the main satellite market, complemented by the connectivity in remote areas," he added.

Arianespace Singapore Pte Ltd managing director Vivian Quenet said the company was streamlining its services by working with rocket producers for better launch reliability.

"Customers can save up to 30 per cent from the launching cost. Our success rate for the rocket launch is about 99 per cent and we also offer the lowest insurance rate in the market," he said.

Quenet said the company pro-



Arianespace says its order book includes five commercial satellite launches for operators in South Korea, Indonesia, Japan and India.

vided commercial and institutional satellite launches to orbits for all types of space-based applications, including telecommunications, navigation, science, earth observation and technology demonstrations.

He said the company would continue to offer high reliability launch capabilities for large geostationary orbit telecommunication satellites using Ariane 6, and was prepared for the evolving nature of the satellite market.



Arianespace chief executive officer Stephane Israel

LAMPIRAN 8
THE STAR (WORLD) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Probe reaches asteroid in search for origin of life

TOKYO: A Japanese probe has reached an asteroid 300 million kilometres away to collect information about the birth of the solar system and the origin of life after a more than three-year voyage through deep space.

The Hayabusa2 probe settled into an observation position 20km above the Ryugu asteroid, officials from the Japan Space Exploration Agency (Jaxa) said yesterday.

"We have confirmed the arrival of Hayabusa2 at the Ryugu asteroid," Jaxa said in a statement.

Ryugu is thought to contain relatively large amounts of organic matter and water, the stuff of life, and scientists hope samples taken from the asteroid will offer clues about what gave rise to life on Earth.

Jaxa's announcement came just days before the UN's International Asteroid Day on June 30, a global event to raise awareness about the hazards of an asteroid impact and technological progress to counter such a threat.

Photos of Ryugu – which means "Dragon Palace" in Japanese, a castle at the bottom of the ocean in an ancient Japanese tale – show an asteroid shaped a bit like a spinning top with a rough surface.

The probe will land on Ryugu in coming months and take samples "to clarify the origin of life", Jaxa said in an earlier statement.


Hayabusa2, about the size of a large fridge, is equipped with solar panels and is the successor to Jaxa's first asteroid explorer, Hayabusa – Japanese for falcon.

That probe returned from a

smaller, potato-shaped, asteroid in 2010 with dust samples despite various setbacks during its epic seven-year Odyssey and was hailed as a scientific triumph.

To collect its samples, it will release an "impactor" that will explode above the asteroid, shooting a 2kg copper object into the surface to create a crater a few metres in diameter.

From this crater, the probe will collect "fresh" materials unexposed to millennia of wind and radiation, hoping for answers to some fundamental questions about life. — AFP



Probe into the 'Palace':
 Professor Takashi Kubota (right) and Associate Professor Makoto Yoshikawa from Jaxa posing for a photo after asteroid explorer Hayabusa2 arrived at the asteroid of Ryugu, in Sagami-hara, near Tokyo.
 — AP

300 MILLION KM AWAY

Japan space probe reaches asteroid

TOKYO: A Japanese probe has reached an asteroid 300 million kilometres away to collect information about the birth of the solar system and the origin of life after a more than three-year voyage through deep space.


The Hayabusa2 probe settled into an observation position 20km above the Ryugu asteroid, officials from the Japan Space Exploration Agency (Jaxa) said yesterday.

"We have confirmed the arrival of Hayabusa2 at the Ryugu asteroid," Jaxa said.

Ryugu is thought to contain relatively large amounts of organic matter and water, the stuff of life, and scientists hope samples taken from the asteroid will offer clues about what gave rise to life on Earth.

Jaxa's announcement came just days before the UN's International Asteroid Day on Saturday a global event to raise awareness about the hazards of an asteroid impact and technological progress to counter such a threat.

Photos of Ryugu, which means



Asteroid Ryugu may offer clues about what gave rise to life on Earth.
REUTERS PIC

"Dragon Palace" in Japanese, show an asteroid shaped a bit like a spinning top with a rough surface.

The probe will land on Ryugu in coming months and take samples "to clarify the origin of life", Jaxa said.

Hayabusa2, about the size of a large fridge, is equipped with solar panels and is the successor to Jaxa's first asteroid explorer, Hayabusa — Japanese for falcon.

That probe returned from a smaller, potato-shaped, asteroid in 2010 with dust samples despite various setbacks during its epic seven-year odyssey and was hailed as a scientific triumph.

The Hayabusa2 mission costs 30 billion yen (RM1.1 billion) and the probe was launched in December 2014. It will stay with the asteroid for 18 months before heading back to Earth with its samples in late 2020. **AFP**

Latest security technology coming to Chinese airports

BEIJING: Airports in China are planning to adopt technology that can make it quicker for people to pass through airport security, according to Civil Aviation Administration.

Using a technology known as millimetre wave imaging, the security scanner can detect objects hidden under clothing, including non-metallic objects, and can show their shape, size and position, the administration said.

The technology has been used in the United States, Britain, the Netherlands, Australia and Japan.

The devices are harmless to peo-

ple's health, with an emission strength less than one-thousandth the electromagnetic radiation of a mobile phone, and will allow security inspections to be safer and more efficient, it added.

The administration conducted several experiments in airports in Beijing, Shanghai and Qingdao, Shandong province to test the imaging devices in August.

In May, the administration conducted a second test in airports in Qingdao and Nanjing, Jiangsu province, to evaluate the efficiency of the inspections. — China Daily/Asia News Network

Robotics Barbie aims to inspire young scientists



A-doll-able display: A woman photographing a wall of Barbie dolls in the Mattel display at the annual Toy Fair in New York. — AFP

LOS ANGELES: An inspirational new version of Barbie will encourage young girls to embark on careers in engineering and the sciences, the iconic doll's manufacturer Mattel said.

Barbie, who first hit the shelves in 1959, prides herself on trying out jobs where women aren't strongly represented, to add to her more traditional skill set of dancing with Ken and looking fabulous.

The company has announced a "Career of the year" Barbie who just happens to be a robotics engineer – a job that in real-life is occupied almost nine times out of 10 by men.

Kids aren't just supposed to play make-believe with the newest Barbie, however, as Mattel has partnered with games platform Tynker to provide owners with online coding experiences.

"For almost 60 years, Barbie has exposed girls to roles where women are underrepresented to show them that they can be anything," Lisa McKnight, Mattel's senior vice-president for Barbie, said in a statement.

"By playing with Robotics Engineer Barbie on and offline, we are giving girls a new platform for play in their imaginary world and teaching them important skills for their real world."

The new doll joins a line-up of more than 200 careers held by Barbie, "all of which reinforce the brand's purpose to inspire the limitless potential in every girl", Mattel said in a statement.

Only 24% of science, technology, engineering and math jobs in the United States are held by women. — AFP

LAMPIRAN 12
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 28 JUN 2018 (KHAMIS)

Payung terbang ikut pengguna

TOKYO 27 Jun - Sebuah syarikat Jepun membawa teknologi dron ke tahap baharu dengan mencipta payung automatik yang bergerak mengikut pergerakan kepala pengguna.

Mail Online melaporkan, peranti dinamakan Free Parasol itu menggunakan kamera dan kepintaran buatan bagi mengesan dan mengekori pengguna semasa mereka berjalan.

Teknologi itu sudah digunakan pada beberapa dron automatik namun syarikat Asahi Power Services berharap dapat menyesuaikan teknologi itu untuk payung terbang sendiri.

Peranti itu boleh membantu seseorang berulang-alik tanpa perlu memegang telefon bimbit dan amat berguna semasa hujan dan cuaca panas.

Buat masa ini, prototaip payung dengan berat 4.9 kilogram itu mampu terbang bagi tempoh 20 minit sahaja.

Pereka peranti itu yakin bahawa mereka dapat mengurangkan berat Free Parasol sebanyak 900 gram selain menambah masa penerbangan kepada lebih sejam.

Bagaimanapun, tempoh penerbangan itu bergantung pada cuaca



FREE PARASOL menggunakan teknologi kamera dan kepintaran buatan bagi mengesan dan mengekori pengguna semasa mereka berjalan. - AGENSI

ca dan fungsinya terjejas akibat hujan lebat dan angin kencang.

Sementara itu, Free Parasol

dijangka mula dijual pada tahun hadapan dengan harga jualan mencecah AS\$275 (RM1,093).